



PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan seperti berikut :

3.0 PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT - GRED S41

3.1 Jadual Gaji

S41	P1T1	RM 1688.89	-	P1T27	RM 4638.89
	P2T1	RM 1783.51	-	P2T27	RM 4917.16
	P3T1	RM 1882.31	-	P3T27	RM 5219.23

Elaun

Imbuan Tetap Perumahan (ITP)	-	RM 250.00
Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	-	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup	-	RM 300.00

Taraf Jawatan : *Tetap*

Kekosongan : *1*

3.2 Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3); dan

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3.3 Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (Bagi kakitangan UKM dan PPUKM berjawatan tetap sahaja)

- (i) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; atau
 - (b) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (ii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.